

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	02 JANUARY 2017

Umpama menang sorak kampung tergadai

# Pakatan Kit Siang, Tun M

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 JAN.

**P**AKATAN antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Penasihat DAP, Lim Kit Siang dalam menyerang kerajaan tidak ubah seperti perbuatan menang sorak kampung tergadai kerana akhirnya negara menjadi mangsa.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, tuduhan Dr. Mahathir dan Kit Siang kononnya Malaysia ditadbir oleh kerajaan yang korup bukan hanya menjajaskan nama negara di mata dunia, malah rakyat juga terpaksa menerima kesan buruk daripada perbuatan itu.

“Hakikatnya, setiap tuduhan yang dibuat bukan sahaja nama Malaysia diburukkan, malah rakyat akan turut terkesan biar pun

perkara tersebut tidak benar. Kita sebagai rakyat akan turut terkena tempiasnya dan tidak selesa kerana ia melibatkan nama baik Malaysia.

“Saya pasti, sebagai ahli politik berpengalaman luas, mereka sedar tindakan itu memberikan impak negatif terhadap kestabilan dan kesejahteraan negara serta rakyat tetapi tetap dilakukan demi kepentingan politik sempit,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



**IRMOHIZAM IBRAHIM**

Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim semalam mendakwa wujud pakatan sulit antara Dr. Mahathir dan Kit Siang berhubung siapa yang bakal menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri jika pakatan pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 nanti.

Dakwa Tunku Abdul Aziz, tanpa pengetahuan parti-parti sekutu lain terutama PKR, kedua-dua pe-

mimpin itu membuat perjanjian rahsia untuk melantik Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri manakala Kit Siang pula sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Beliau turut mendakwa, kenyataan Kit Siang sebelum ini yang menamakan Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mengisi dua jawatan itu jika pakatan pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang hanyalah gimik politik.

Irmohizam berkata, Dr. Mahathir sedar bahawa kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak telah banyak melakar kejayaan terutama dalam pembangunan infrastruktur yang secara tidak langsung menawarkan ribuan peluang pekerjaan tetapi bekas Perdana Menteri itu sengaja menutup mata.

“Seharusnya di saat ekonomi dunia tidak menentu, kita bersatu padu untuk kesejahteraan Malaysia dan bukannya memecah-belahkan lagi rakyat sehingga imej negara tercalar,” katanya.

UM - 2/1/2017